

JHEAINS.196 (02) 669/3 JLD.2 (1)

15 September 2021

08 Safar1443

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Pengetua

SABP Maahad Ahmadi Negeri Sembilan (SABP MANS)

Pengetua

Institut Tahfiz Al-Quran Negeri Sembilan (ITQAN)

Pengetua

Sekolah Swasta / Maahad Tahfiz / Pondok / Madrasah

Tuan,

**SURAT SIARAN PENDIDIKAN, JHEAINS
BILANGAN 03 / 2021**

PENGOPERASIAN SEKOLAH DI FASA 3 PELAN PEMULIHAN NEGARA

Adalah saya dengan segala hormatnya ingin menarik perhatian tuan merujuk perkara di atas.

2. Untuk makluman pihak tuan, hasil perbincangan bersama dengan pihak berautoriti, maka kebenaran pengoperasian semua Sekolah Swasta, Maahad Tahfiz, Madrasah dan Pondok di Negeri Sembilan adalah tertakluk pada permohonan secara individu daripada setiap sekolah.

3. Pun begitu, sekolah yang telah dibenarkan beroperasi oleh pihak JHEAINS hendaklah mematuhi syarat-syarat berikut:

- 3.1 Guru dan warga sekolah hendaklah lengkap vaksinasi dua (2) dos dan telah melepas 14 hari selepas tarikh vaksinasi kedua.
- 3.2 Pihak Pentadbir hendaklah memastikan Prosedur Operasi Standard (SOP) semasa dipatuhi dengan ketat seperti mengamalkan penjarakan fizikal, kerap mencuci tangan dan memakai pelitup muka.
- 3.3 Sekiranya terdapat kes di premis sekolah, maka laporan hendaklah segera disampaikan kepada Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) masing-masing dan pihak Bahagian Pendidikan, JHEAINS.



4. Jabatan ini ingin menegaskan bahawa kebenaran ini adalah bergantung pada permohonan setiap sekolah dan tertakluk pada syarat yang telah ditetapkan. Sekiranya terdapat kes pelanggaran syarat yang telah dinyatakan atau dilaporkan terdapat kes jangkitan baharu di Sekolah, Maahad Tahfiz, Madrasah, Pondok terlibat maka kebenaran ini boleh dibatalkan. Jabatan ini juga tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana premis sekolah yang beroperasi tanpa kebenaran daripada pihak JHEAINS.

5. Kebenaran pengoperasian juga diberikan kepada institusi pendidikan yang berada di bawah JHEAINS iaitu Institut Tahfiz Al-Quran Negeri Sembilan (ITQAN) dan Sekolah Agama Berasrama Penuh Maahad Ahmadi (SABP MANS). Pihak institusi boleh memaklumkan kaedah pelaksanaan pengoperasian dengan mematuhi SOP bersesuaian yang sedang berkuatkuasa.

Sekian.

“WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“BERSIH . MUAFAKAT . SEJAHTERA”

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' MOHD ZAIDI BIN RAMLI)

Pengarah

Jabatan Hal Ehwal Agama Islam

Negeri Sembilan

s.k. Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Pendidikan, JHEAINS

Ketua Penolong Pengarah
Bahagian Penguatkuasaan, JHEAINS

Ketua Penolong Pengarah,
Bahagian Pengurusan Masjid dan Surau, JHEAINS

Pegawai Agama Islam Daerah Seremban

Pegawai Agama Islam Daerah Tampin

Pegawai Agama Islam Daerah Kuala Pilah

Pegawai Agama Islam Daerah Port Dickson

Pegawai Agama Islam Daerah Rembau

Pegawai Agama Islam Daerah Jelebu

Pegawai Agama Islam Daerah Jempol